



جائے کحاکمین شرعیة نكري جوهر

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI JOHOR,
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH JOHOR,
LOT 259, JALAN ABU BAKAR,
80100 JOHOR BAHRU,
JOHOR DARUL TA'ZIM

Tel. Am: 07-2199000

Faks : 07-2213133

E-mail : tadbirsyariah@johor.gov.my

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab)

Ruj. Kami : JKSNJ 600-1/2/6 (13)
Takwim : 14 Rejab 1441
Tarikh : 9 Mac 2020

YA Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

YA Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Johor

YA Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

Tuan-tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Johor

Penolong-penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah
Syariah Negeri Johor

ARAHAN AMALAN YAA KETUA HAKIM SYARIE NEGERI JOHOR BILANGAN 8 TAHUN 2020

Pembayaran Deposit Rayuan dan Pendaftaran Rayuan

Saya ingin menarik perhatian YA/Tuan/Puan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung Pembayaran Deposit Rayuan dan Pendaftaran Rayuan yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Majlis Hakim-hakim Bil: 3/2019 bertarikh pada 24 Oktober 2019 bersamaan 25 Safar 1441H adalah seperti ketetapan berikut:



1. Deposit Rayuan hendaklah dibayar di Mahkamah Yang Keputusannya Dirayu. Pembayaran deposit hendaklah dibuat menggunakan nombor fail kes yang keputusannya dirayu.
2. Deposit Rayuan hendaklah dibayar sebelum Notis Rayuan dicop terima oleh Mahkamah Yang Keputusannya Dirayu.
3. Notis rayuan hendaklah ditandatangani oleh Perayu atau oleh Peguam Syarie Perayu yang telah berwakalah dalam kes rayuan tersebut.
4. Perayu hendaklah mengemukakan Notis Rayuan dan Resit pembayaran Deposit Rayuan Ke Mahkamah Yang Mendengar Rayuan bagi pendaftaran kes rayuan dalam masa yang dibenarkan bagi pemfailan rayuan.
5. Pemfailan Notis Rayuan hendaklah disifatkan telah sempurna apabila Deposit Rayuan telah dibayar oleh Perayu, Notis Rayuan telah dicop terima oleh Mahkamah Yang Keputusannya Dirayu dan Rayuan telah didaftarkan di Mahkamah Yang Mendengar Rayuan.
6. Jika pembayaran Deposit Rayuan atau Pendaftaran Rayuan tidak mematuhi Arahan Amalan ini, maka Notis Rayuan tersebut boleh dibatalkan.
7. Arahan Amalan ini hendaklah dibaca bersama dengan Arahan Amalan YAA Ketua Hakim Syarie Negeri Johor Bilangan 4 Tahun 2020 Prosedur Rayuan Mal, Arahan Amalan Bilangan 5 Tahun 2020 Prosedur Rayuan Jenayah, Arahan Amalan Bilangan 6 Tahun 2020 Prosedur Kerja dan Carta Aliran Pengurusan Pengendalian Wang Deposit Bagi Kes-kes Rayuan, serta Arahan Amalan JKSM No. 10 Tahun 2016 Proses Kerja Rayuan Mal Mahkamah Syariah, dan Arahan Amalan No. 11 Tahun 2016 Proses Kerja Rayuan Jenayah Mahkamah Syariah.

Arahan amalan ini berkuatkuasa mulai 10 Mac 2020.



(YAA TUAN HAJI MUHAMMAD KHALDUN BIN MOHAMAD SHARIF)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

s.k:

1. Penasihat Undang-undang Negeri Johor
2. Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor
3. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga
4. Ketua Pendakwa Syarie Negeri Johor
5. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Johor
6. Presiden Persatuan Peguam Syarie Negeri Johor